

DUNIA PENGETAHUAN

‘Pasport’ Ciptaan Tamadun Islam



Peraturan-peraturan yang mengizinkan seseorang itu pergi dari sesebuah negeri ke sebuah negeri yang lain, sebenarnya bukanlah dari kemajuan Barat. Orang Eropah tidak mengenal passport dalam sejarah mereka melainkan setelah kerajaan Arab dan Islam mengadakannya, baik di sebelah timur, mahupun di sebelah barat. Bukan sebagaimana sangkaan orang Inggeris yang mengatakan bahawa passport itu berasal dari ciptaan Britannia pada akhir kurun yang ke-18 Masihi.

Penulis al-Hamdāni telah menyebut di dalam bukunya al-Iklīl: Sesungguhnya peraturan “izin masuk negeri” itu adalah berbalik sejarahnya kepada zaman jahiliah. Pada zaman jahiliah terdapat berita-berita yang sampai kepada kita iaitu tentang memberitahu dengan sesuatu yang berhubungan dengan izin, yang pada zaman itu terkenal dengan: Izin masuk negeri, yang dibawa oleh dif-dif atau wakil-wakil utusan ke lain negeri. Ia mengatakan bahawa perkara itu berlaku dalam kalangan orang Syam dalam zaman raja-raja Bani Ghassān, dan juga dalam kalangan orang-orang Iraq dalam zaman raja-raja Manādhirah.

Demikianlah yang dapat diselidiki dalam sejarah “izin masuk negeri” semenjak zaman jahiliah.

Adapun zaman Islam, maka sejarahnya yang dapat dicatat yang menyebut soal “izin masuk negeri” ialah di Mesir pada kurun yang kedua.

Orientalis Georgeman mengeluarkan dua pucuk surat tentang “izin masuk negeri” yang ditulis di atas kertas “Burdī” (Burdī) bertarikh tahun 116 Hijrah, yang ditulis oleh pegawai-pegawai Amīr ‘Ubaydillāh ibn Khabkhab¹ yang memerintah di Mesir.

Dalam surat itu ditulis sifat-sifat dan perihal orang yang membawanya satu persatu. Peraturan itu akhirnya telah merebak dipakai oleh dunia. Demikian menurut majalah “Al-Sudan al-Islāmīyy” Damsyik.

Buku-buku Pelajaran

Surat-menyurat (Jawi)	\$1.80
Panduan membaca dan menulis Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
mengenai Imam, Makmum, <i>Masbūq</i> dan seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20

Pesanan tambah 10 sen belanja *post*

¹ tidak pasti bagaimana sebutannya yang tepat